

ISN ARAH ATLET JALANI LATIHAN DI DALAM DEWAN

Kuala Lumpur : Atlet negara dinasihatkan supaya tidak menjalani latihan secara terbuka dengan catatan Indeks Pencemaran Udara (IPU) paling minimum mencecah 100.

Jesteru, Institut Sukan Negara (ISN) sudah mengeluarkan arahan supaya atlet menjalani latihan di dalam dewan selain memakai topeng ketika berada di kawasan terbuka.

“ Semua latihan di luar tidak dibenarkan dan perlu melakukannya (latihan) di dalam dewan ” kata Ketua Pegawai Eksekutif ISN, Datuk Dr Ramlan Abdul Aziz ketika dihubungi semalam.

Nasihat KKM

“ Peraturan ini dikeluarkan sejak beberapa tahun lalu apabila negara berdepan masalah jerebu dan kami juga mengikut nasihat daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

“ Sewajarnya kami perlu memberi peringatan kepada semua atlet untuk akur dengan nasihat ini. Malah setiap atlet juga perlu mengambil tanggungjawab untuk mementingkan penjagaan kesihatan masing-masing.

“ Apabila melebihi 100 (IPU), latihan perlu di bawa ke dalam atau dialih ke tempat lain yang tidak berjerebu dan juga kurang daripada 100. Ini kerana latihan atlet berada di intensiti yang tinggi dan memerlukan udara yang bersih, ” katanya.

Semalam, BH melaporkan fenomena jerebu di Malaysia mungkin berlanjutan sehingga awal tahun depan memandangkan kebakaran hutan di Indonesia mungkin tidak dapat dipadamkan dalam waktu terdekat ini.

Masalah jerebu berlaku sejak kebelakangan ini apabila dua ribut tropika- Koppu dan Champi- yang aktif di Lautan Pasifik mempengaruhi corak tiupan angin di kawasan serantau.